

EKSPO BELI BARANGAN MALAYSIA 2012
08/06/2012

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YB Dato Sri Ismail Sabri Bin Yaakob,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan;

YB Datuk Rohani Binti Abdul Karim,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan;

Ketua-Ketua Setiausaha;
Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi;
Pengerusi Industri Dan Perniagaan Dalam Dan Luar Negara;

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana negara kita masih dikurniakan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan. Dengan nikmat yang kita kecapi pada hari inilah menjadikan kita mampu untuk terus berusaha meningkatkan ekonomi negara sekaligus meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.
2. Keamanan, kestabilan dan kesejahteraan negara yang sentiasa dipelihara di bawah teraju pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini telah membolehkan ekonomi negara berkembang, perniagaan dapat terus dijalankan dengan pesat, pelaburan-pelaburan asing yang berkualiti dapat ditarik masuk ke dalam negara, inflasi dapat dikawal, dan pendapatan isi rumah menjadi semakin bertambah.
3. Perkembangan ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh dan mampu mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang diharapkan. Pada masa yang sama juga kerajaan telah berjaya mengawal inflasi serendah 3.2 peratus pada tahun 2011 manakala pada tahun 2012, inflasi dianggarkan berada pada kadar sekitar 2.5 hingga 3.0 peratus.
4. Seperti mana yang kita sedia maklum, bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, ekonomi negara perlu berkembang pada kadar 6 peratus setiap tahun. Antara intipati ke arah pertumbuhan ekonomi negara adalah melalui pengukuhan permintaan terhadap produk keluaran tempatan. Permintaan terhadap produk keluaran tempatan di kalangan masyarakat di negara kita mesti dipertingkatkan dari masa ke semasa. Malahan, permintaan terhadap produk tempatan itu juga boleh diperkukuhkan lagi di pasaran antarabangsa. Ini berdasarkan kepada keyakinan dan permintaan tinggi yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa terhadap kualiti produk keluaran Malaysia, lantas ia memberikan keyakinan bahawa produk keluaran negara adalah setaraf dengan produk antarabangsa.
5. Rakyat negara ini pula perlu mempunyai semangat patriotisma yang sentiasa setia, bangga dan cintakan produk keluaran Malaysia. Kita perlu sentiasa mempunyai persepsi positif bahawa jenama produk tempatan mempunyai kualiti yang setaraf atau lebih tinggi dari

produk luar negara. Sehubungan itu, peranan aktif rakyat Malaysia adalah sangat dialu-alukan untuk memberikan sambutan dan sokongan terhadap kempen ini bagi mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

6. Ekonomi negara telah mengukuh kembali setelah mampu menangkis kelembapan ekonomi global, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus meskipun terjadinya krisis "sovereign debt" yang melanda industri perbankan di Amerika Syarikat, yang telah memberi kesan buruk kepada ekonomi benua Eropah sebanyak negatif 0.5 peratus. Pertumbuhan KDNK negara kita adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Hong Kong. Dalam pada itu, negara jiran kita iaitu Singapura dan Thailand hanya mampu mencatatkan pertumbuhan pada kadar 1.6 peratus dan 0.3 peratus masing-masing bagi tempoh yang sama tahun ini.

7. Pertumbuhan ekonomi negara ini sebenarnya banyak disokong oleh permintaan domestik yang tinggi serta kurangnya kebergantungan kepada produk import. Ini dibuktikan dengan pengurangan import negara daripada 21.7 peratus (tahun 2010) daripada keseluruhan permintaan domestik kepada hanya 8.6 peratus pada tahun lalu.

8. Pada tahun 2011, permintaan domestik berkembang pada kadar 8.2 peratus, meningkat 1.9 peratus daripada tahun sebelumnya. Bahkan, trend peningkatan permintaan dalam negara ini telah dapat dilihat sejak tahun 2009 lagi, iaitu pada kali pertama Ekspo Barangan Buatan Malaysia diperkenalkan.

9. Hasil kajian Bank Negara mendapati bahawa purata gaji di sektor swasta meningkat sebanyak 4 peratus pada tahun 2011 dan pendapatan di kawasan luar bandar juga meningkat dengan signifikan. Peningkatan kepada pendapatan boleh guna isirumah ini jika digunakan untuk membeli produk tempatan akan memberikan kesan berganda (multiplying effect) kepada aktiviti ekonomi dalam negara secara positif sekaligus membina daya tahan ekonomi terhadap sebarang krisis kewangan.

10. Pertumbuhan mapan ekonomi yang dinikmati sejak merdeka juga menjadi bukti akan kecekapan Kerajaan Barisan Nasional dalam menguruskan ekonomi negara sejak sekian lama. Hasilnya, Malaysia kini berada di tangga ke-13 dalam senarai kerajaan paling efisien di dunia menurut laporan International Institute for Management Development (IMD) 2012 yang berpusat di Switzerland yang telah dikeluarkan baru-baru ini. Dalam laporan tersebut juga, Malaysia telah melonjakkan kedudukannya dalam carta negara-negara paling kompetitif di dunia, iaitu meningkat 2 anak tangga dari tangga ke-16 kepada tangga ke-14 pada tahun 2011.

11. Ini adalah antara beberapa indikator yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan BN adalah amat bertanggungjawab dalam memelihara ekonomi negara dan tidak sewenang-wenangnya membuat sesuatu keputusan yang boleh menyebabkan negara tergadai. Justeru, Kerajaan BN akan terus komited dan bertanggungjawab bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang setiap tahun serta memiliki tahap ketahanan yang tinggi untuk menghadapi sebarang krisis. Kerajaan BN yang benar-benar bertanggungjawab akan melakukan apa jua yang terbaik untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat secara menyeluruh melalui pelbagai program dan pendekatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Dalam dunia perniagaan hari ini, kita tidak boleh lagi bergantung kepada pasaran domestik semata-mata, tetapi kita perlu meneroka potensi penawaran di pasaran serantau serta pasaran global. Berdasarkan laporan Southeast Asian Economic Outlook oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) menunjukkan bahawa pasaran di negara-negara ASEAN akan berkembang pada kadar 5.6 peratus hingga 5.9 peratus sehingga 2016. Dalam laporan yang sama juga, pertumbuhan di enam negara ASEAN (Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam) serta China dan India telah berkembang pada kadar 8.2 peratus pada 2011 dan pertumbuhan ini dijangka akan terus rancak pada tahun 2012 berdasarkan permintaan domestik yang tinggi. Justeru, saya menyeru kepada syarikat-syarikat pengeluar produk tempatan untuk mengambil peluang ini dan mengembangkan pemasaran produk ke pasaran serantau.

13. Ramai rakyat Malaysia telah berjaya mencipta nama di persada antarabangsa melalui penghasilan produk tempatan. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya perlu berbangga dengan semua pencapaian tersebut. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama kita perlu memperkukuhkan skil dan asas pengetahuan sumber manusia tempatan bagi menyokong matlamat menjadikan Malaysia negara maju.

14. Kita juga perlu memastikan bahawa tahap kompetitif negara terus utuh dengan memfokuskan kepada aktiviti dan pengeluaran yang mempunyai nilai-tambah tinggi, di samping mewujudkan dan memastikan persekitaran yang menggalakkan inovasi dan kreativiti. Untuk memastikan barangan tempatan terus mendapat tempat di dalam pasaran, pihak pengeluar perlu berusaha untuk menghasilkan produk berinovatif dan kreatif sejajar dengan perkembangan teknologi dunia. Oleh yang demikian, saya mahu melihat supaya syarikat-syarikat tempatan lebih inovatif serta menggunakan teknologi terkini dengan melaksanakan amalan perniagaan terbaik. Kita mahu mereka berjaya kerana bijak mengurus perniagaan dan efisien.

15. Dengan pelbagai insentif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, pihak pengusaha perlu mengambil peluang tersebut untuk menambahbaik dan mempertingkatkan lagi aspek kualiti penjenamaan, pembungkusan, promosi dan pengiklanan supaya setaraf dengan piawai antarabangsa dan menjadi pilihan utama pembeli dalam dan luar negara. Dalam usaha untuk bersaing dengan syarikat gergasi dunia, kita perlu mencontohi syarikat-syarikat multinational di negara ini khususnya dalam aspek promosi, pengiklanan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya jenama kita akan lebih dikenali di persada antarabangsa.

16. Kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif baru sebagai galakan kepada sektor pelaburan serta industri PKS tempatan bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat tempatan supaya lebih berjaya dalam perniagaan di pasaran serantau. Saya berharap supaya insentif yang disediakan ini digunakan dengan sebaik mungkin untuk meningkatkan kecekapan serta kualiti barangan sehingga mampu mencapai piawai antarabangsa. PKS juga perlu berpandangan jauh dengan tidak hanya menghadkan pengeluaran bagi pasaran domestik, tetapi juga harus bersedia untuk turut bergiat aktif dalam pasaran serantau.

17. Saya tertarik dengan kenyataan YB Dato' Sri Ismail Sabri mengenai logo Buatan Malaysia yang dikeluarkan oleh KPDNKK diterima serta diiktiraf oleh negara asing. Logo Buatan Malaysia tidak seharusnya menjadi sebagai salah satu logo di atas label makanan semata-mata, tetapi logo Buatan Malaysia perlu menjadi simbol kualiti dan inovasi bertaraf dunia. Terdapat juga produk Malaysia yang telah terkenal di peringkat antarabangsa yang

membawa logo Buatan Malaysia seperti Pensonic (elektrik), Crown Lynn (pinggan mangkuk), Colour Land (cat rumah), King Koil (tilam) dan banyak lagi jenama lain. Dalam pada itu, saya percaya bahawa banyak lagi produk-produk Malaysia yang berpotensi untuk memasuki pasaran antarabangsa. Namun, apa yang penting adalah kita perlu memastikan bahawa produk-produk yang dikeluarkan adalah berkualiti serta memenuhi piawaian antarabangsa pada setiap masa dan menawarkan harga yang kompetitif.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Sekalian,

18. Pada tahun ini, sebanyak 6 ekspo seumpama ini akan diadakan di seluruh negara dengan tema “Inovasi Buatan Malaysia Bertaraf Dunia”. Kita berharap supaya penganjuran ekspo ini selain dapat menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengutamakan produk buatan tempatan, ia juga seharusnya menjadi medan untuk memasarkan produk-produk berinovasi tempatan ke pasaran antarabangsa. Saya juga berharap program Beli Barangan Malaysia ini akan dapat mengubah pemikiran (mind-set) rakyat Malaysia untuk lebih mengutamakan barangan tempatan. Kempen Beli Barangan Malaysia bukan sahaja memberikan impak positif kepada imbalan pembayaran negara keson daripada pengurangan kebergantungan kepada produk import, malah kempen ini juga adalah untuk dinikmati oleh seluruh rakyat.

19. Akhir kata, usaha murni kerajaan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi domestik memerlukan sokongan dan komitmen semua pihak. Ekspo ini amat penting di dalam merealisasikan objektif kerajaan untuk mencipta satu suasana ekonomi yang mapan dengan mengambil kira kepentingan pengguna yang kini kian bijak berbelanja. Juga diharap supaya wujudnya kesedaran lebih tinggi para pengguna agar lebih patriotik terhadap produk tempatan semasa berbelanja, sekaligus membantu merangsang aktiviti ekonomi domestik.

20. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan atas kejayaan penganjuran Ekspo Beli Barangan Malaysia pada kali ini.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Ekspo Beli Barangan Malaysia dan sekaligus melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia Tahun 2012.